

# Takhta LTdL milik siapa?

utusan malaysia - 2/3/16 (m/s 34).

Oleh SUFIAN HADI SOJAK

sukan@utusan.com.my

## ■ BATU PAHAT

**P**ERLUMBAAN peringkat terakhir Le Tour de Langkawi (LTdL) 2016 hari ini bakal menghidangkan pertarungan sengit tiga peserta dalam usaha merebut kejuaraan keseluruhan menerusi catatan masa terpantas sepanjang cabaran tersebut berlangsung.

Semalam, peringkat ketujuh LTdL yang juga laluan terpanjang sejauh 202.3 kilometer dari Seremban dan berakhir di Parit Sulong di sini menyaksikan pakar pecut Itali, Andrea Guardini dari Astana Pro Team melebarkan kemenangan ke-21 apabila menamatkan saingan di tempat pertama menerusi catatan 4 jam 47 minit 12 saat.

Ia diikuti dua pelumba yang pernah menaiki podium pertama pada peringkat sebelum ini iaitu Jakub Mareczko dari Southeast-Venezuela di tempat kedua, manakala ketiga milik Andrea Palini (Skydive Dubai Pro Cycling Team).



Beralih kepada kehangatan perlumbaan hari ini, tumpuan semestinya terarah kepada perebutan jersi kuning selaku juara keseluruhan LTdL edisi ke-21, yang menyaksikan pendahulu masih dipegang Reinardt Rensburg dari Dimension Data dengan catatan masa terkumpul 25'48:29s.

Dua lagi pelumba Daniel Alexander Jaramilo dari UnitedHealthCare Profesional Cycling Team dan Miguel Angel Lopez (Astana Pro Team) mengekori rapat dengan hanya masing-masing ketinggalan 11 dan 12 saat di belakangnya.

"Saya sangat gembira hari ini sebab semua strategi yang dirancang menjadi berbanding semalam sebab perlumbaan tadi saya banyak berada di hadapan.

"Sekarang hanya tinggal satu lagi

peringkat. Apa-apa boleh berlaku sebab semua pelumba mesti akan melakukan sesuatu untuk mencapai kejayaan.

"Ini peluang terakhir mereka," kata Reinardt yang menamatkan saingan peringkat itu di tempat keenam, semalam.

Dalam pada itu, biarpun tidak berada dalam tersenarai 10 pelumba terbaik untuk merebut jersi kuning, namun Guardini yang terkenal dengan jolokan Mr. Langkawi masih boleh tersenyum setelah mengekalkan jersi biru kehijauan (Raja Pecut).

Pelumba China, Wang Meiyin dari pasukan Hengxiang Cycling Team turut mengekalkan jersi merah (Raja Bukit) setelah mendominasi sejak saingan bermula pada 24 Februari lalu.

Peringkat terakhir hari ini melibatkan jarak 119km dari Batu Pahat ke Melaka, termasuk mengelilingi bandaraya bersejarah itu sejauh 7.9 km sebanyak 3 pusingan.

Namun, peringkat tersebut tidak melibatkan zon pendakian, sebaliknya menyajikan tiga zon pecutan di Semerah, Muar dan Melaka.



**LTdL 2016**  
**PEREBUTAN**  
**GELARAN**

### JUARA KESELURUHAN (JERSI KUNING)

1. REINARDT RENSBURG  
Dimension Data - 25'48:29s
2. DANIEL ALEXANDER  
JARAMILLO, UnitedHealthCare  
Profesional Cycling Team -  
25'48:40s
3. MIGUEL ANGEL LOPEZ  
Astana Pro Team - 25'48:41s

### RAJA PECUT (JERSI BIRU KEHIJAUAN)

1. ANDREA GUARDINI  
Astana Pro Team - 73 mata
2. ANDREA PALINI, Skydive Dubai  
Pro Cycling Team - 47 mata
3. JAKUB MARECZKO  
Southeast-Venezuela - 46 mata

### RAJA BUKIT (JERSI MERAH)

1. WANG MEIYIN, Hengxiang  
Cycling Team - 49 mata
2. MIGUEL ANGEL LOPEZ  
Astana Pro Team - 31 mata
3. LOH SEA KEONG,  
Skwad Kebangsaan - 28 mata

### JUARA ASIA (JERSI PUTIH)

1. ADIQ HUSAINIE OTHMAN  
Terengganu Cycling Team -  
25'49:28s
2. ITO MASAKAZU  
Aisan Racing Team - 25'49:34s
3. ZHAO JINGBIAO, Hengxiang  
Cycling Team - 25'49:35s

**ANDREA GUARDINI** (dua kiri) dari pasukan Astana Pro mengangkat tangan sejurus muncul melepasi garisan penamat selaku pemenang peringkat ketujuh LTdL 2016, semalam.

Peringkat kedua terakhir sejauh 202.3km itu bermula dari Seremban dan berakhir di Parit Sulong, Batu Pahat. - UTUSAN/  
ABDUL RAZAL LATIF

